



**RAKAMAN** ... Rakaman penggambaran dokumentari sedang dilakukan.



**PULAU** Omadal, Semporna dipilih sebagai subjek dan latar dokumentari.



**BATU NIASAN** ... Batu Nesan atau Sunduk suku kaum Bajau yang juga dijadikan bahan kajian.

# Sekolah Seni hasilkan dokumentari penyelidikan

NST 02-08-2012 12

**SEKOLAH** Pengajian Seni (SPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama North Borneo Media Sdn Bhd, berjaya memperolehi geran berjumlah RM60 ribu daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) untuk menghasilkan video dokumentari berlatarbelakangkan kehidupan suku kaum Bajau di Pulau Omadal, Semporna, Sabah.

Kejayaan SPS, UMS itu merupakan hasil daripada sesi pembentangan (pitching) yang dibuka kepada semua pembikin dan produser filem di Sabah dan Sarawak bagi projek penerbitan dokumentari khas Eye On Borneo yang dianjurkan oleh Finas.

Pensyarah Filem SPS yang juga merupakan Timbalan Dekan Hal-ehwal Pelajar dan Akademik, Dr. Zairul Anuar Md. Dawam berkata, kejayaan SPS memperolehi kepercayaan daripada pihak Finas untuk terlibat dalam projek Eye On Borneo tersebut diharap dapat menjadi titik mula kepada UMS untuk menceburi bidang penerbitan filem terutama filem dokumentari berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh para pensyarah di IPT tersebut.

Katanya, pembikinan dokumentari yang diusahakan bersama dengan syarikat produksi tempatan North Borneo Media Sdn Bhd tersebut juga membuktikan bahawa hasil penyelidikan yang dilakukan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan seperti UMS amat penting dan boleh dipelbagaikan bentuk penerbitannya seperti diterbitkan dalam bentuk video dokumentari yang boleh disiarkan kepada masyarakat umum melalui rangkaian televisyen tempatan dan antarabangsa.

Penyelidikan tersebut, katanya mempunyai nilai yang tinggi dalam penerbitan dokumentari terutama daripada aspek penyediaan skrip yang memerlukan ketepatan fakta dan sumber yang boleh dipercayai.

"UMS sebenarnya kaya dengan pelbagai bahan penyelidikan. Selain kajian etnik yang dilakukan oleh para pensyarah dan penyelidik Sekolah Pengajian Seni, UMS juga mempunyai bidang penyelidikan utama seperti Marin, Akuakultur dan Biologi Tropika yang



boleh dijadikan sebagai bahan kandungan kreatif bagi menghasilkan penerbitan dokumentari yang baik," katanya.

Menyentuh mengenai proses pembikinan, beliau yang juga pengarah dokumentari tersebut memberitahu bahawa bahawa idea asal diperolehi daripada hasil penyelidikan peringkat sarjana yang dilakukan oleh pensyarah SPS iaitu Mohd Azareen Aminullah yang mengkaji reka bentuk dan motif batu nesan yang terdapat di Pulau Omadal di Semporna, Sabah.

Katanya, berdasarkan bahan penyelidikan tersebut, ternyata rekabentuk dan motif yang terdapat pada batu nesan atau dikenali dalam bahasa Bajau sebagai sunduk mempunyai keunikan tersendiri yang harus dikongsi dengan masyarakat lain.

"UMS sebenarnya kaya dengan pelbagai bahan penyelidikan. Selain kajian etnik yang dilakukan oleh para pensyarah dan penyelidik Sekolah Pengajian Seni, UMS juga mempunyai bidang penyelidikan utama..."

"Ukiran dan pembuatan batu nesan atau sunduk itu sebenarnya menggambarkan kehidupan masyarakat Bajau yang sentiasa meningkatkan perhubungan dan ikatan persaudaraan bermula dari kehidupan sehingga seseorang itu telah meninggal dunia. Melalui dokumentari ini, nilai-nilai kekeluargaan ditonjolkan kepada masyarakat lain terutama," katanya.

Pembikinan dokumentari yang dilakukan di Pulau Omadal, Semporna Sabah selama seminggu itu pada April lalu turut melibatkan para pelajar Seko-



**TENAGA** ... Tenaga Krew Produksi melibatkan para pensyarah dan pelajar Sekolah Pengajian Seni

lah Pengajian Seni yang membantu sebagai tenaga krew produksi serta para pensyarah dan tutor Seni Visual, Puad Bebit dan Ismail Norazman sebagai penolong pengarah bersama. Menurutnya, melalui projek pembikinan dokumentari tersebut,

para pelajar yang terlibat dapat menimba pengalaman kerja sebenar di lokasi penggambaran yang memerlukan mereka bekerja dalam sebuah kumpulan dan bersikap kreatif dalam menyelesaikan masalah produksi yang berlaku.

"Dengan bantuan bekas pelajar SPS yang juga merupakan pengurus produksi, Alinah Osman, para pelajar diberi bimbingan dan dilatih untuk mempraktikkan teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah," katanya.

Sehubungan itu bagi tujuan tersebut, Dr. Zairul berkata, dari masa ke semasa, pihak Sekolah Pengajian Seni akan terus berusaha untuk mendapatkan dana penerbitan daripada pelbagai sumber sama ada melalui sesi pitching atau penghantaran kertas cadangan kepada pelbagai pihak bagi menghasilkan rancangan-rancangan televisyen atau pun filem cereka terutama yang berbentuk dokumentari penyelidikan.

Justeru katanya, SPS telah bekerjasama dengan syarikat produksi tempatan seperti North Borneo Media Sdn Bhd untuk mendapatkan slot-slot bagi rancangan televisyen di Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan rangkaian televisyen yang lain.

Dengan bantuan daripada syarikat produksi filem yang berpengalaman, SPS, UMS, katanya berhasrat untuk terlibat dalam bidang penerbitan filem dokumentari dan rancangan televisyen sebagai penerbit dan pembikin.

"Dokumentari ini merupakan satu permulaan kepada kami untuk menimba pengalaman dalam menghasilkan penerbitan lain yang berkualiti tinggi. Di masa hadapan kami, dengan sokongan pihak pengurusan universiti kami berhasrat untuk menubuhkan sebuah syarikat produksi yang menghasilkan rancangan-rancangan televisyen secara komersial," katanya mengakhiri perbualan.